

# Malaysia, Indonesia kekal komitmen

BIH - 12-1-2008 M/S 11

## Rundingan pemimpin dua negara boleh selesai pelbagai isu berbangkit

Oleh Karim Raslan

**T**AHUN lalu, tukaran wang asing daripada tenaga kerja Indonesia yang bekerja di luar negara berjumlah AS\$480 juta. Tidak dapat dinafikan bahawa sumbangan ekonomi oleh pekerja ini cukup besar terhadap Indonesia. Di pihak Malaysia juga, tenaga kerja ini memberi sumbangan besar dalam pembangunan negara.

Secara keseluruhannya, jumlah pekerja warga Indonesia yang bekerja di negara ini, baik secara sah, mahupun tanpa izin dianggarkan berjumlah dua hingga tiga juta orang, iaitu kira-kira 10 hingga 15 peratus daripada jumlah penduduk negara ini. Bagi Malaysia, jumlah itu dilihat sangat besar, sehingga masalah mengenai pekerja ini juga memberi implikasi kepada isu keselamatan dan sosiopolitik.

Bayangkan jika warga Malaysia di Indonesia berjumlah 10 peratus daripada populasi negara itu, pemerintah Indonesia juga menghadapi persoalan sama. Oleh itu, masalah mengenai pekerja Indonesia sering menjadi batu penghalang dalam hubungan dua hala.

Persepsi terhadap pelbagai persoalan ini harus dihadapi secara komprehensif. Apatah lagi, Malaysia dan Indonesia berkongsi hubungan sejarah yang panjang. Sejak era kepemimpinan Presiden Suharto, ramai di kalangan guru, doktor atau pekerja lain dari negara serumpun itu didatangkan ke Malaysia untuk turut serta dalam pembangunan negara ini. Terlalu banyak kenangan manis yang tidak boleh dilupakan.

Bahkan hingga kini kesan itu masih boleh dilihat. Penghibur Datuk Siti Nurhaliza Tarudin, misalnya diberikan pentas diva di Indonesia, begitu juga sanjungan yang diberikan kepada Krisdayanti serta kumpulan Dewa di Malaysia. Seni dan lagu terbukti sebagai jambatan hubungan harmoni Indonesia-Malaysia.

*Semalam di Malaysia* dendangan kumpulan D'Lloyd contohnya, menjadi kenangan indah penyanyi dan warga Indonesia. Persoalan mengenai asal-usul lagu yang digemari di seberang Selat Melaka ini tidak

INTI PATI

### Hubungan Malaysia, Indonesia

- Pekerja Indonesia di negara ini dianggarkan berjumlah dua hingga tiga juta orang, menyumbang kepada perkembangan ekonomi Indonesia melalui pertukaran asing.
- Malaysia dan Indonesia berkongsi hubungan sejarah yang panjang. Sejak era kepemimpinan Presiden Suharto, ramai guru, doktor atau pekerja lain dari negara serumpun itu didatangkan ke Malaysia untuk turut serta dalam pembangunan negara ini.
- Pada 12 hingga 13 Januari 2007, pemimpin kedua-dua negara bertemu di Bukit Tinggi, Sumatera, berbincang mengenai persamaan yang sememangnya menjadi kekuatan Malaysia, Indonesia.

dirumitkan kerana ia membangkitkan ke-cintaan mereka terhadap bumi Malaysia. Dalam hal ini, seniman dan artis menjadi unsur yang berjaya mengikat hubungan kedua-dua negara.

Pada 12 hingga 13 Januari tahun lalu, pemimpin tertinggi Malaysia dan Indonesia bertemu di Bukit Tinggi, Sumatera. Secara positif, kedua-duanya berbincang mengenai persamaan yang sememangnya menjadi kekuatan yang menyatukan kedua-dua negara. Malah, memorandum persefahaman juga ditandatangani dalam perjumpaan berkenaan. Namun, hasil pertemuan itu kini kembali direnggangkan oleh masalah lain yang sebenarnya diperkatakan, seperti isu berkenaan pekerja Indonesia.

Sememangnya, sukar untuk menjalinkan hubungan yang tidak bermasalah sama sekali. Sebagai negara berjiran, masalah sebegitu pasti timbul kerana setiap negara tidak dapat lari daripada kepentingan ma-

sing-masing. Namun, masalah ini tidak harus menyebabkan masing-masing lupa kepada cabaran di hadapan mata yang lebih besar.

Kedua-dua negara perlu mengekalkan komitmen untuk bekerjasama dengan lebih erat, termasuk pada peringkat menteri dan barisan kepemimpinan lain di bawahnya. Pertemuan khusus pelbagai pihak Malaysia-Indonesia dilihat masih belum cukup untuk dijadikan lanjutan kepada komitmen kedua-dua pemimpin. Pada hal, komuniti swasta berjaya menjalin hubungan yang sangat erat.

Pertemuan dua hala yang diadakan di Kuala Lumpur kali ini diharap mampu mencapai persefahaman yang lebih baik, terutama bagi menyelesaikan masalah yang boleh memansuhkan hubungan kedua-dua negara.

Cabaran dalam isu hubungan Malaysia-Indonesia pada masa hadapan akan menjadi semakin kompleks. Kita menghadapi persaingan sengit terutama dari China dan India. Negara Asean harus bekerjasama untuk sama-sama membangunkan kekuatan. Indonesia dan Malaysia, dua negara yang paling berpengaruh di rantau ini, perlu berusaha untuk memainkan peranan demi kepentingan Asean dalam menghadapi China dan India.

Dalam konteks ini, kerjasama kedua-dua negara amat diperlukan, berbanding konfrontasi dan polemik kepada persoalan yang boleh diselesaikan di meja rundingan. Isu mengenai perubahan iklim, halangan pelaburan, masalah tenaga kerja, persempadanan, pendidikan dan teknologi, sememangnya perlu didahulukan untuk difikirkan bersama. Malaysia dan Indonesia perlu mendorong satu sama lain ke arah kemajuan dan kemakmuran.

Kemajuan ini akan membawa erti yang sangat besar kepada rakyat kedua-dua negara. Formula bagi mencapai objektif kesejahteraan ini serta mekanisme pencapaiannya sangat bergantung kepada pertemuan Malaysia dan Indonesia kali ini.

Apa yang jelas, hubungan dua hala Indonesia-Malaysia sering mengalami pasang

surut. Pada waktu ini, hubungan ini sedang mengalami cabaran tersendiri. Persepsi berbeza daripada kedua-dua negara, sama ada antara kerajaan mahupun rakyatnya membuatkan hubungan antara dua negara serumpun ini semakin lemah.

Kedua-dua pemimpin negara ini sememangnya boleh duduk bersama sambil minum teh, tetapi di luar situasi ini, ramai warga Indonesia yang masih berdemonstrasi dan menyuarakan bantahan terhadap Malaysia.

Sepanjang 2007, banyak isu digembarkan di media Indonesia, daripada kes kebudayaan hinggalah kepada kes pengadil Indonesia dibelasah polis Malaysia serta penahan salah ke atas isteri kepada seorang atase Indonesia.

Kes seperti ini dilihat serius apabila mengambil kira unsur jenayah, seperti yang didakwa dilakukan ke atas Nirmala Bonat, pembantu rumah warga Indonesia yang didakwa didera oleh majikannya di sini. Apatah lagi, perbicaraan kes membabitkan wanita muda itu kini berlanjutan sehingga lebih tiga tahun dan hanya pada awal bulan ini majikannya diperintahkan untuk mem-bela diri.

Kelemahan dari segi pengadilan dalam kes seperti ini seolah-olah menunjukkan bahawa Malaysia belum cukup berusaha menangani isu membabitkan kebajikan pekerja Indonesia, yang seterusnya menyaksikan demonstrasi di banyak tempat di negara berkenaan. Hubungan Indonesia-Malaysia kemudiannya semakin panas.

Namun, polemik yang lebih penting adalah mengenai jaminan keselamatan ke atas pekerja warga Indonesia di negara ini yang masih belum berjaya ditangani oleh Malaysia. Hal ini menjadi polemik serius dalam hubungan dua hala Indonesia-Malaysia. Masalah yang dihadapi sebilangan pekerja ini harus diberikan perhatian serius kerana membabitkan kebajikan mereka.

Malaysia perlu memberi jaminan bahawa kes pekerja Indonesia di negara ini akan diberi pengadilan sepatutnya. Kedua-dua negara harus melihat isu ini dengan bijaksana.